



14 APR, 2022

Kenal pasti produk pertanian berpotensi tinggi

Utusan Sarawak, Malaysia

Kenal pasti produk pertanian berpotensi tinggi

ADI SAFARMAN

KABONG: Penduduk di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kabong digesa mengenal pasti produk pertanian tempatan potensi tinggi yang mampu menjana pendapatan lumayan.

Perkara itu ditegaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kabong, Mohd Chee Kadir yang memberitahu kawasan tersebut mempunyai pelbagai produk pertanian berpotensi untuk dikomersialkan ke pasaran luar.

Tambahnya, kawasan sekitar DUN Kabong itu sememangnya merupakan kawasan yang mempunyai tanah subur untuk pertanian.

"Jadi gunakanlah apa yang kita miliki ini sebaik-baiknya untuk menghasilkan produk pertanian yang berpotensi dan memenuhi keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Jelajah Ramadan FAMA Sarawak 2022 dan Majlis Buka Puasa di Dewan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Emplam, dekat sini semalam.

Program ini adalah kerjasama strategik antara Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

Antara pengisian adalah menyaksikan perjanjian jual beli (FA) peserta ladang kontrak yang melibatkan seramai 20 petani yang mengusahakan tanaman pisang tanduk.

Sehubungan itu, Chee Kadir menjelaskan, Sarawak perlu membentuk usahawan moden dan kompetitif dalam sektor pertanian yang mampu mempelbagaikan hasil pengeluaran mereka, menghasilkan produk bernilai tinggi dan meningkatkan pendapatan.

Beliau berkata bagi tujuan itu para petani, nelayan dan penternak tempatan perlu berusaha mengubah minda, menjadi lebih terbuka dan sanggup menerima pembaharuan.

"Mereka juga perlu berani mengambil risiko dan mencuba teknik terbaharu yang berinovasi dalam usaha memaksimumkan keuntungan, meminimalkan kerja, dan meningkatkan perniagaan," ujarnya.

Chee Kadir berharap warga tani di daerah ini bersama agensi serta kementerian berkaitan untuk mencapai wawasan untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeksport bersih produk makanan menjelang 2030 serta dapat meningkatkan pendapatan warga petani sekurang-kurangnya RM6,000 sebulan.



SERAH SUMBANGAN... Mohd Chee Kadir menyampaikan sumbangan kepada 17 golongan asnaf pada Program Jelajah Ramadan FAMA Sarawak di Dewan Sekolah Kebangsaan Kampung Emplam.

"Kerajaan Sarawak akan membuat perancangan yang menumpukan kepada tanaman dan ternakan yang mempunyai nilai eksport, bukan sekadar kegunaan tempatan tetapi ada permintaan tinggi," tambahnya lagi.

Menurutnya lagi, daerah

Kabong mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian kerana mempunyai tanah subur dan luas serta akses kepada pasaran.

Pada majlis tersebut, Chee Kadir turut melakukan penyampaian sumbangan kepada 17 golongan asnaf sumbangan daripada pihak FAMA dan Bank Rakyat.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri, Pengarah Kanan (Pemasaran Industri Makanan) FAMA, Iswardi Ismail, Pengarah FAMA Negeri Sarawak, Abdul Ja'afar Lian dan Ketua Bank Rakyat Wilayah Sarawak, Abdul Aziz Rosli.



14 APR, 2022

Kenal pasti produk pertanian berpotensi tinggi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KABONG: Penduduk di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kabong digesa mengenal pasti produk pertanian tempatan potensi tinggi yang mampu menjana pendapatan lumayan. Perkara itu ditegaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kabong, Mohd Chee Kadir yang memberitahu kawasan tersebut mempunyai pelbagai produk pertanian berpotensi untuk dikomersialkan ke pasaran luar. Tambahnya, kawasan sekitar DUN Kabong itu sememangnya merupakan kawasan yang mempunyai tanah subur untuk v pertanian.